



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING CIDB - BIL.4/2024 PENSTRUKTURAN DAN PENETAPAN SYARAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR FASILITI

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak-pihak berkaitan Industri Pembinaan mengenai syarat pendaftaran kontraktor fasiliti yang telah distrukturkan dan dikemaskini.

2.0 LATAR BELAKANG

Bagi memastikan hanya kontraktor yang berkeelayakan berdaftar sebagai Kontraktor Pengurusan Fasiliti, satu Surat Pekeliling CIDB-BIL 6/2023 iaitu Penstrukturan Dan Penetapan Syarat Pendaftaran Kontraktor Fasiliti telah dikelilingkan pada 29 Ogos 2023. Surat Pekeliling tersebut bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak-pihak berkaitan dalam Industri Pembinaan mengenai penstrukturan semula syarat pendaftaran kontraktor fasiliti yang telah dikemaskini. Lanjutan daripada itu, beberapa penambahbaikan telah dilakukan.

3.0 PENSTRUKTURAN SYARAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR FASILITI

Syarat pendaftaran Kontraktor Fasiliti yang telah distrukturkan dan dikemaskini adalah seperti di **Lampiran A**.

4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Mana-mana kontraktor yang ingin berdaftar sebagai Kontraktor Fasiliti perlulah mengambil langkah-langkah seperti berikut:
- i. Memastikan syarikat bebas daripada tindakan tatatertib.
 - ii. Memenuhi syarat keperluan pendaftaran Kontraktor Fasiliti sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Keperluan Prosedur Pendaftaran Kontraktor.
 - iii. Memenuhi syarat keperluan seperti di **Lampiran A**
 - iv. Personal teknikal syarikat tidak boleh wujud di dalam mana-mana syarikat lain.
- 4.2 Selaras dengan penstrukturan syarat pendaftaran kontraktor fasiliti ini, bukti kerja atau resume personal teknikal tidak perlu lagi dikemukakan bagi tujuan permohonan baharu pendaftaran dan pembaharuan.

5.0 PERMOHONAN PENDAFTARAN

Permohonan pendaftaran Kontraktor Fasiliti boleh dibuat melalui atas talian di cims.cidb.gov.my dan kontraktor akan dikenakan fi proses serta fi pendaftaran bagi setiap permohonan yang dikemukakan.

6.0 PEMBATALAN DAN KUATKUASA

Surat Pekeliling CIDB-BIL 6/2023 adalah dibatalkan dan tarikh pemakaian syarat pendaftaran Kontraktor Fasiliti yang telah distrukturkan dan dikemaskini dikekalkan pada 01 Jun 2024.

7.0 PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi e-bantuan: <http://www.cidb.gov.my/e-bantuan>.

“MALAYSIA MADANI”

“BINA SEMPURNA”



(DATO' Sr MOHD ZAID ZAKARIA D.P.S.K)

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

31 Mei 2024

JADUAL SYARAT KEPERLUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR FASILITI

Gred	Permohonan Pendaftaran Baharu / Tambah Kategori F01	Permohonan Pembaharuan Seterusnya	Permohonan Tambah F02	
	Pengarah Syarikat	Personel Teknikal Untuk Pengkhususan Fasiliti (F)		
G4	SKP Fasiliti	1 orang dengan Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FME)	1 orang dengan Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FME)	Memiliki pengkhususan F01 + SKKP Fasiliti Kesihatan
G5	SKP Fasiliti	1 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM) Atau 1 orang dengan Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FME)	1 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM) Atau 1 orang dengan Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FME)	Memiliki pengkhususan F01 + SKKP Fasiliti Kesihatan
G6	SKP Fasiliti	1 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan & 1 orang dengan Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM)	1 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan & 1 orang dengan Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM)	Memiliki pengkhususan F01 + Salah seorang memiliki SKKP Fasiliti Kesihatan
G7	SKP Fasiliti	1 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan & 1 orang dengan Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM) Atau 2 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM)	1 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan & 1 orang dengan Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM) Atau 2 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM)	Memiliki pengkhususan F01 + Salah seorang memiliki SKKP Fasiliti Kesihatan

Pemakaian Kepada Kontraktor sedia ada.

Bagi kontraktor sedia ada yang telah memiliki kategori pendaftaran Kategori Fasiliti (F) sebelum 01 Jun 2024, syarat yang dikemaskini sepertimana Jadual diatas adalah terpakai apabila Kontraktor memohon pembaharuan pendaftaran Kategori Fasiliti (F) yang seterusnya.

Akronim

- SKP : Sijil Kecekapan Pengurusan
 SKKP : Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan
 FME : Eksekutif Pengurusan Fasiliti
 FMM : Pengurus Pengurusan Fasiliti